

CNS2947

U GB 01-12 00200 BA442

bah

TENAGA BANGSA PERLU DTGEMBLENG UNTUK MAJU, XATA PM

SHAH ALAM, 1 Dis (Bernama) -- Wawasan 2020 merupakan cita-cita bangsa yang pasti akan menjadi kenyataan jika semua usaha, tenaga dan fikiran semua pihak di juruskan ke arah mencapai matlamatnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

+Kita ingin melihat bangsa kita terus maju di negara ini, dan juga di dunia, +kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena Kongres Cendekiawan Melayu III yang akan berlangsung pada Jumaat ini.

Kongres dua hari bertemakan Ke Arah Wawasan 2020. itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Encik Ghafar Baba pada hari Khamis. Dua ucapan utama dan 14 kertas kerja akan dibincangkan.

Dr Mahathir berkata +Zaman ini haruslah dilihat sebagai zaman kebangkitan semula bangsa dan negara kita untuk mencipta kehidupan masa hadapan yang gemilang...

+Oleh itu, seluruh tenaga bangsa hendaklah digembelengkan bersama agar kita tidak ketingghlan.

+Tidak ada jalan mudah untuk mencapai sesuatu kejayaan melainkan dengan usaha yang bersungguh-sungguh, +katanya.

Mengenai kongres itu, Perdana Menteri berkata usaha para cendekiawan Melayu berkongres untuk meneliti dan membincangkan secara lebih mendalam cabaran-cabaran dalam Wawasan 2020 tentu dapat membantu memperkukuhkan lagi usaha kerajaan mencapai matlamat wawasan itu. -- Bernama.

▼01/12/12-58MST